

01 APR 2002

Mahathir-PBB/I

PBB PERLU CARI TAKRIF UMUM KEGANASAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu mengambil inisiatif menganjurkan satu persidangan antarabangsa bagi menakrif keganasan kerana ada negara yang mengamalkan pilih kasih apabila menilai keganasan.

"Apabila keganasan dilakukan oleh rakan mereka, ia tidak mengapa tetapi apabila ia dilakukan oleh sesiapa yang mereka tidak suka atau peduli, ia tidak boleh dibiarkan," katanya.

"Inilah masalah apabila ada pilih kasih. Kita perlu mempunyai satu penilaian dan satu tindakan oleh seluruh dunia," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai gesaannya supaya diadakan persetujuan antarabangsa bagi mengecam sesuatu insiden atau perbuatan ganas menerusi inisiatif PBB.

Mengenai peningkatan kekejaman rejim Israel terhadap penduduk Palestin, Dr Mahathir berkata Amerika Syarikat mahu dunia menyokong usaha menentang keganasan, "tetapi malangnya AS menyokong tindakan kerajaan Israel yang juga merupakan keganasan."

"Adalah sukar bagi dunia untuk bersatu menentang keganasan dengan adanya pilih kasih...kita perlukan satu pendirian," katanya.

Beliau berkata persidangan antarabangsa yang tidak sahaja terbatas kepada negara Islam perlu diadakan bagi menakrif siapa pengganas dan apa dia perbuatan ganas supaya ada konsensus, dan "memastikan kita patuh pada resolusi yang dibuat."

"Jika tidak, anda tidak boleh berharap semua pihak bertindak kerana masing-masing akan mempunyai takrif sendiri mengenai keganasan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menjemput semua negara Islam menyertai sesi khas itu supaya mereka boleh bersetuju dengan satu takrif keganasan dan tindakan yang perlu dilakukan bersama.

"Perkara itu amat penting...sudah tentu akan ada perbezaan pendapat. Pada pandangan saya, perbezaan kecil tidak akan menghalang kita mencapai persetujuan mengenai tindakan yang perlu dilakukan," katanya.

"Negara-negara Islam lemah tetapi jika mereka mempunyai satu suara, ia akan membawa kesan walaupun mungkin bukan kepada semua negara tetapi kepada bilangan negara yang besar," katanya.

Beliau berkata apabila ada persetujuan universal mengenai siapa pengganas dan bentuk tindakan yang perlu diambil maka AS akan terpaksa mendengar pandangan negara rakannya terutama negara Eropah.

"Sekarang kita melihat hanya AS mempunyai pandangan berbeza (mengenai keganasan)...banyak negara Eropah telah menyuarakan bantahan keras terhadap tindakan Israel di Palestin," katanya.

Dr Mahathir menegaskan adalah penting bagi umat Islam dan kerajaan negara Islam bertindak secara rasional dalam menghadapi ketidakadilan terhadap mereka dan Islam.

-- BERNAMA

AKT HK ZS JK MOZ